



MEMBUKA LANGKAH: Sebahagian daripada anggota perguruan silat yang mengambil bahagian dalam Perkampungan Silat II.

Acara lain turut terserlah dalam Perkampungan Silat

4

24 DEC 1990

ACARA Perkampungan Silat II yang diadakan semalam bukan sahaja menonjolkan bakat-bakat silat yang tangkas dan berdisiplin, bahkan para peserta yang berkebolehan dalam kegiatan sukan yang lain.

Walaupun acara silat menjadi tumpuan utama lebih 100 pesilat semalam, beberapa kegiatan lain turut mendapat perhatian mereka.

Selain silat, kegiatan-kegiatan lain yang mereka serai termasuk bolasepak, bola jaring dan *telematch*.

Perkampungan Silat itu dianjurkan bersama oleh Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit), dan Persaudaraan Panca Sakti.

Semasa merasmikan perkampungan itu di Persatuan Rakyat (PA) semalam, Setiausaha Parlimen (Ehwal Luar) Encik Yatiman Yusof, berkata, kelakonan cemerlang dalam pelajaran saja tidak memadai bagi memastikan kemajuan masyarakat Melayu yang menyeluruh.

Juga penting ialah keupayaan menyusun, merancang dan menggerakkan masyarakat Melayu agar tenaga mereka dapat disalurkan ke arah pembangunan ekonomi.

Menurutnya, masa dan tenaga mesti disalurkan untuk memperbaiki keadaan mereka

yang kurang bernasib baik dan yang kurang berjaya, daripada hanya memberi terlalu banyak perhatian kepada kejayaan cemerlang seseorang individu. *MELAYU SUKSES*

Encik Yatiman juga menyokong usaha mempertahankan dan mempopularkan seni silat di kalangan belia kerana, menurutnya, penglibatan dalam kegiatan seperti itu dapat menjauhkan belia Melayu dari kancah dadah.

Pandangan yang sama juga disuarakan oleh Setiausaha Politik, (Ehwal Dalam Negeri) Encik Harun A. Ghani, semasa berucap dalam majlis penutup perkampungan itu.

Beliau berkata, penglibatan dalam silat memerlukan taraf disiplin yang sangat tinggi. Selaras dengan itu, beliau yakin belia yang bergiat dalam seni silat mempunyai asas teguh dan berupaya menjauhkan diri dari dadah.

Dalam Perkampungan semalam, Persilatan Perguruan Selegi Tunggal pimpinan Encik Mohd Ramli Awi dan Persilatan Perguruan Sunda Cikalong pimpinan Encik Jumari Selamat, diumumkan sebagai juara bersama.

Acara itu adalah bagi merebut Piala Pusingan Abdullah Tarmugi, Anggota Parlimen bagi Siglap.